

# USIM

## tubuh fakulti baharu

FKAB berkongsi kemudahan dan bangunan dengan Fakulti Sains dan Teknologi.

Oleh Noor Azlina Zainudin  
azlina.z@bh.com.my

► Nilai

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus memperkasa peranannya dalam menyediakan program akademik bertunjangkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli melalui penubuhan fakulti baharu, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB).

FKAB menjadi fakulti kesembilan diwujudkan USIM sejak penubuhannya pada tahun 2000.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof Dr Zulkifli Abd Ghani, berkata dua program akademik sedia ada yang sebelum ini diletakkan di bawah Fakulti Sains dan Teknologi mula ditawarkan di bawah FKAB mulai tahun ini.



Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad (tiga dari kanan) menyerahkan surat pelantikan sebagai Dekan kepada Prof Zulkifli di Nilai, baru-baru ini.

Beliau berkata, program berkenaan ialah Sarjana Muda Sains Seni Bina (Kepujian) dan Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik).

“Penubuhan fakulti ini secara tidak langsung akan membuka peluang baharu kepada pelajar lepasan sekolah agama untuk melanjutkan pengajian dalam bidang profesional.

### Dekan sulung

“Usaha awal kepada

penubuhan fakulti ini adalah dengan pengambilan kumpulan pertama pelajar Sarjana Muda Sains Seni Bina pada 2012 diikuti Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektronik) pada 2013,” katanya.

Prof Zulkifli berkata, perancangan akan datang adalah menawarkan beberapa program akademik baharu di bawah FKAB seperti Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian), Sarjana Sains Kejuruteraan dan Doktor Falsafah Kejuruteraan.

Dalam perkembangan lain, Prof Dr Kamaruzzaman Seman dilantik sebagai sebagai dekan sulung FKAB dengan tempoh lantikan berkuatkuasa 4 Januari lalu hingga 3 Januari 2017.

Fakulti baharu berkenaan akan beroperasi secara sementara di bangunan Fakulti Sains dan Teknologi serta berkongsi kemudahan pembelajaran dan fasiliti sedia ada.

Majlis khas bagi merasmikan penubuhan FKAB dijangka diadakan pada Mac nanti.

“PENUBUHAN FAKULTI INI SECARA TIDAK LANGSUNG LANGSUNG AKAN MEMBUKA PELUANG BAHARU KEPADA PELAJAR LEPASAN SEKOLAH AGAMA UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN DALAM BIDANG PROFESIONAL”

**Prof Dr Zulkifli Abd Ghani,**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM